

120 KAKITANGAN

kumpulan pengkaji PPAG di Sungai Batu termasuk 100 sukarelawan

97 TAPAK

ekskavasi dikenal pasti di kawasan Sungai Batu

56 HEKTAR

keluasan kawasan Sungai Batu

33 HEKTAR

kawasan dibuka untuk kajian

# Tamadun maju masyarakat purba Sungai Batu

B/H 28/11/12 MS 6



⊙ Satu daripada Tapak Peleburan Besi Masyarakat awal Sungai Batu dipercayai sekitar abad ke-3 hingga ke-5 yang pertama dijumpai di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Merbok.

» Penemuan artifak peleburan besi di Lembah Bujang bukti kemajuan penduduk awal

tamadun terancang dengan pelabuhan tepi sungai sebagai nadi hubungan import dan eksport.

Ekskavasi Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) Universiti Sains Malaysia (USM) awal tahun ini, membuktikan status tamadun itu.

Pengarah PPAG, Prof Dr Mokhtar Saidin, berkata ekskavasi setakat ini menemui empat fungsi utama tamadun Sungai Batu, iaitu sebagai tapak industri melebur besi, pelabuhan tepi sungai, monumen penyembahan dan bangunan pusat pentadbiran.

### Lambang kemajuan

Beliau berkata, bukti wujudnya industri peleburan besi pada era 50 tahun sebelum masihi itu dianggap memeranjatkan kerana ia melambangkan kemajuan kehidupan masyarakat Sungai Batu pada zaman itu.

"Bahan mentah iaitu besi dipercayai dibawa dari sekitar Gunung Jerai dan dileburkan dengan suhu melebihi 1,000 darjah Celsius. Mereka menggunakan relau untuk melebur dan satu alat dikenali 'tuyere' untuk membawa masuk angin ke dalam relau.



Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bharian.com.my

### Merbok

Masyarakat Sungai Batu yang wujud di sekitar Lembah Bujang di sini, 50 tahun sebelum masihi dipercayai mempunyai tamadun yang maju berdasarkan kesan sejarah ditemui.

Kemajuan masyarakat itu dikaitkan dengan penemuan artifak yang menunjukkan mereka aktif dalam industri melebur besi.

Malah, mereka yang dipercayai mempunyai sejarah jauh lebih lama berbanding Angkor Wat di Kemboja, turut ditafsir memiliki



Mokhtar menunjukkan papan penunjuk Tapak Arkeologi Sungai Batu, Merbok.

“Jika boleh membuat tuyere dan relau, ini bermakna mereka mempunyai ahli geologi dan buruh yang sangat mahir, sedangkan industri berat hanya dibawa masuk ke negara ini sekitar 1980-an oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad,” katanya.

**Jongkong dieksport**

Hasil kajian di empat tapak peleburan besi mendapati besi yang dilebur dijadikan jongkong untuk dieksport. Ada beberapa rekod bertulis menyebut negara Tamil Selatan, ketika pemerintahan kerajaan Cankam dari 200 tahun sebelum masihi sehingga 200 tahun selepas masihi, mengimport besi dari Kataram atau lebih dikenali

“**Jika boleh membuat tuyere dan relau, ini bermakna mereka mempunyai ahli geologi dan buruh yang sangat mahir, sedangkan industri berat hanya dibawa masuk ke negara ini sekitar 1980-an**”

**Mokhtar Saidin,**  
Pengarah PPAG

50 TAHUN

sebelum Masihi kewujudan masyarakat awal Sungai Batu, Lembah Bujang

56 HEKTAR

keluasan kawasan Sungai Batu

1,000 DARJAH

Celsius suhu digunakan masyarakat purba Sungai Batu untuk melebur besi

20 KAKITANGAN

termasuk pelajar Universiti Sains Malaysia menjalankan kajian di Tapak tamsun Sungai Batu



Taburan tembikar ditemui dalam kajian di sekeliling struktur binaan di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Merbok.

BIA 27/11/12  
MSI



Ketul besi yang ditemui di di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Merbok bukti industri melebur besi sudah wujud sejak 50 tahun sebelum masihi.

Empat fungsi utama Tamadun Sungai Batu Tapak industri peleburan besi, pelabuhan tepi sungai, monumen penyembahan dan pusat pentadbiran.



Bahagian 'Tuyere' yang digunakan untuk membawa masuk angin ke dalam relau bagi melebur besi dijumpai di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Merbok



# Galeri Warisan Arkeologi dibina di Kompleks Tamadun Sungai Batu

Sebuah Galeri Warisan Arkeologi akan dibina di Kompleks Tamadun Sungai Batu bagi menempatkan bukti artifak dan maklumat berhubung penemuan tamadun seawal 50 tahun sebelum masihi di kawasan itu.

Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Prof Emeritus Datuk Siti Zuraina Abdul Majid, berkata galeri itu yang kini sudah direka bangunannya, akan dibina tidak lama lagi dan dijangka siap awal 2014.

"Galeri ini akan dibina dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR), dijangka memakan masa 18 bulan sebelum boleh dibuka kepada orang ramai. Pembinaannya adalah perancangannya sepanjang 2012 bagi memartabatkan lagi kawasan kompleks ini selepas kerajaan Persekutuan berjaya membeli tanah di situ akhir tahun lalu," katanya.

## Pikat pelancong

Beliau berkata, sejurus siapnya galeri itu kelak, kompleks terbabit dijangka mampu menarik masyarakat tempatan dan pelancong luar, sekali gus menjadikan Merbok sebagai salah satu destinasi pelancongan di Kedah dan meningkatkan ekonomi masyarakat setempat.

san tapak kaki haiwan serta kesan jari.

Katanya, jabatan berkenaan juga menimbang cadangan supaya Kompleks Tamadun Sungai Batu mendapat pengiktirafan dunia termasuk Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), namun banyak keperluan harus dipenuhi termasuk menyediakan tesis berhubung sejarah dan kepentingan tapak itu.

Kompleks Tamadun Sungai Batu diwartakan Tapak Warisan Kebangsaan, Mei lalu oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim pada majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan 2012.



Jabatan Warisan Negara menimbang **cadangan supaya Kompleks Tamadun Sungai Batu mendapat**

**pengiktirafan dunia termasuk Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu**

SAYAK

Peta lokasi  
**Tapak  
Arkeologi  
Sungai Batu,  
Merbok.**

[FOTO LIM POH  
CHIN/BH]

Kedah Tua.  
"Bagaimanapun, kita masih mengkaji ke mana jongsong itu dieksport dan bagaimana ia diangkut kerana besi adalah benda berat yang mesti dibawa menggunakan kapal besar, sedangkan kita belum menemui bukti untuk menyokong teori itu," katanya.  
Kajian di Sungai Batu mendedahkan bukti daripada 50 tahun sebelum masihi sehingga abad ke-14 masihi secara berterusan.

**Tamadun tertua**

Berdasarkan penemuan ekskavasi, Mokhtar berkata, tamadun Sungai Batu diyakini mempunyai sejarah kewujudan yang jauh lebih lama daripada teori asal iaitu kira-

kira 50 tahun sebelum masihi.  
"Penemuan di Lembah Bujang membuktikan kepada dunia bahawa tapak Sungai Batu yang berkeluasan kira-kira 56 hektar adalah tamadun tertua di Asia Tenggara. Data terbaru itu ditemui selepas kita membuka 33 daripada 97 tapak yang dikenal pasti mempunyai artifak sejarah penting berhubung penempatan di Sungai Batu.  
"Malah kita jangka dengan kajian dan ekskavasi pada masa akan datang, hasil yang lebih menggemparkan akan diperoleh terutama mengenai penemuan tarikh yang lebih awal atau kedudukan penempatan di sini yang diramal lebih tua," katanya.



© Sebahagian 'Tuyere' yang masih kelihatan di tapak peleburan besi Sungai Batu, Merbok.

© Hasil kajian di empat tapak peleburan besi mendapati besi yang dilebur dijadikan jongsong untuk dieksport.

Siti Zurina berkata, antara bukti artifak yang dijangka mampu menjadi tarikan adalah bahan yang digunakan bagi industri peleburan besi di situ, termasuk tuyere, sisa besi dan pecahan tembikar batu, selain bata dengan ke-

**Bangsa Bersatu  
(UNESCO)"**

**Siti Zuraina Abdul Majid,**  
Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara



Pelajar Ijazah Sarjana Arkeologi, USM Akma Hazila Ghani menjalankan kajian tapak jeti di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Merbok.